

03/05/2001

Nabil boleh ke institusi tempatan

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Nabil Mahathir, pelajar buta berusia 14 tahun yang hafal al-Quran dan memiliki Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dari Universiti Antarabangsa Khartoum, Sudan, berpeluang melanjutkan pelajarannya di institusi pendidikan tempatan.

Ia berikutan arahan Kerajaan Kedah kepada Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (Insaniah) supaya mengkaji kemungkinan menerima Nabil melanjutkan pengajian di institut berkenaan.

Kerajaan negeri berpendapat Nabil perlu diberikan pertimbangan oleh pengurusan Insaniah berdasarkan kemampuannya memiliki Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dari universiti itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Dr Othman Ishak juga menasihati keluarga Nabil segera memohon melanjutkan pengajian di Insaniah, manakala beliau sendiri akan meminta Insaniah mengkaji permohonan itu.

"Saya meminta ibu bapa pelajar pintar itu segera ke Insaniah yang tidak jauh dari rumahnya di Taman Wira Mergong untuk membuat permohonan.

"Insya-Allah, jika pihak pengurusan Insaniah menerima permohonan itu, kajian dan pertimbangan sewajarnya akan diberikan bagi memastikan pelajar pintar itu mampu meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Kepintaran pelajar buta ini tidak seharusnya tersekat begitu saja. Beliau harus terus melanjutkan pengajian, sekali gus menambah bilangan ilmuwan Islam," katanya hari ini.

Dr Othman berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan kerajaan negeri mempertimbangkan permohonan Nabil untuk melanjutkan pengajian di institut terbabit.

Insaniah yang ditubuhkan pada 1995 menawarkan pelbagai jurusan pengajian Islam kepada pelajar sama ada pada peringkat diploma atau ijazah.

Hari ini akhbar ini melaporkan impian Nabil melanjutkan pengajian di universiti tempatan kerana beliau tidak memiliki kelayakan minimum sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

(END)